



Ministry of Industry and Primary Resources

TEKS UCAPAN
YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA
DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA
BIN BEGAWAN MUDIM
DATO PADUKA HAJI BAKAR,
MENTERI PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

SEMPENA
PERASMIAN BENGKEL DAN KONSULTASI
'CHANGING STRATEGIES AND
SUSTAINABLE BUSINESS MODEL' BAGI
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN
SUMBER-SUMBER UTAMA

*Tarikh : Hari Selasa, 19hb. Jun 2012
Tempat : Goldstone Ballroom, Level 7
Centrepoint Gadong*

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Warabakatuh
dan Salam Sejahtera

Segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut – pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Yang Mulia, Setiausaha Tetap; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap; Pengarah-Pengarah; Konsultan Undangan; Pegawai-Pegawai Kanan; Hadirin dan Hadirat yang saya muliakan sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana dapat mengungkayahkan bengkel dan konsultasi ‘CHANGING STRATEGIES AND SUSTAINABLE BUSINESS MODEL’, yang mana inisiatif ini adalah hasil daripada kesinambungan HOD Retreat yang telah diadakan pada 12 dan 13 Disember 2011. Tahun 2012 menandakan Kementerian ini telah mengharungi sepuluh tahun pertama bagi mencapai sasaran 2023. Perkara ini adalah sangat penting bagi Kementerian ini melihat pencapaian sepuluh tahun yang lalu, dan sesuai bagi kita untuk menghargai pencapaian dalam tempoh tersebut. Dalam masa yang sama, mengimbas kembali cabaran-cabaran yang telah kita hadapi supaya lebih bersedia dalam

mencapai sasaran pengeluaran kasar \$4.5 billion pada tahun 2023. Dalam pada itu kita juga berpeluang untuk menghalusi perancangan yang sedia ada dan akan datang. Saya difahamkan bengkel dan konsultasi ini akan menghasilkan satu ‘Strategic Planning Framework 2012-2017’ bagi membantu mencapai sasaran tersebut.

Seterusnya sebagai input awal saya dalam perbincangan ini, saya ingin menekankan empat perkara-perkara penting yang perlu diambil perhatian.

Pertama, seperti yang kita maklumi bersama, Kementerian ini telahpun mengenalpasti Iapan Penekanan Strategik, yang dikumpulkan kepada empat kluster iaitu: Sekuriti

Makanan, Sosio Ekonomi, Kepelbagaiaan Ekonomi, dan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Melalui pendekatan secara kelompok ini bukan saja akan dapat meningkatkan produktiviti dan effisiensi, malah akan dapat memberikan kesan sinergi dan menggalakkan setia-kawan dalam kerja harian.

Kedua, dalam melaksanakan tugas-tugas, kita juga harus peka tentang menilai samaada apa yang dilakukan menepati matalamat. Kementerian perlulah mempunyai sukat-sukat ‘Key Performance Indicators’ yang betul, mudah diukur dan dipantau. KPI tersebut mestilah meliputi semua peringkat pengurusan dan pelaksana, bagi mendokong penekanan strategik Kementerian ini dan Wawasan 2035.

Ketiga, melalui program ini, Kementerian ini berharap akan dapat mewujudkan persekitaran dan budaya kerja yang kondusif, berkualiti tinggi, serta memberikan motivasi kepada pegawai dan kakitangan untuk sentiasa menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang, cekap dan teratur. Sebagai contoh, saya juga berharap, di masa yang akan datang, Kementerian ini akan memperolehi dan mencapai pengiktirafan ISO 9001:2008 Sistem Pengurusan Kualiti. Perkara ini adalah mustahak bagi meningkatkan keyakinan serta kepercayaan “stakeholders”.

Keempat, lanjutan daripada initiatif-initiatif yang telah disebutkan tadi, Kementerian ini akan bergerak ke arah penjenamaan semula

(rebranding), sebagai satu agen yang berkesan dan rakan kongsi dinamik yang mampu mengimbangi industri minyak dan gas. Kementerian ini perlu meningkatkan usaha-usaha yang lebih kreatif dan inovatif dalam mengembangkan industri-industri ‘niche’ yang berdayatahan, berdayasaing serta dapat mewujudkan peluang-peluang perkerjaan yang berkualiti tinggi kepada anak-anak tempatan. Semoga usaha-usaha yang kita buat ini akan menyumbang kepada generasi masa kini dan juga boleh dinikmati oleh generasi-generasi yang akan datang, InsyaAllah.

Sebelum mengakhiri ucapan saya ini, saya tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih, kepada semua

pegawai-pegawai yang hadir dan yang telah mengungkayahkan bengkel ini. Saya mengalakkan agar semua yang hadir ini akan dapat menyumbangkan buah-buah fikiran yang bernas dan konstruktif bagi menjayakan bukan saja bengkel ini tetapi keseluruhan program ‘CHANGING STRATEGIES AND SUSTAINABLE BUSINESS MODEL’. Semoga segala apa yang kita kerjakan akan direndai dan diberkati Allah Subhanahu Wataala.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.